

LATIHAN MENEMBAK PISTOL GLOCK INSPRA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4788-latihan-menembak-pistol-glock-inspra

KUANTAN, 4 Apr 19 – Institut Pengurusan Ruang Angkasa (INSPRA) telah mengadakan Latihan Menembak Pistol Glock di Lapang Sasar Terminal Peluru 1, Pangkalan Udara Kuantan dihadiri seramai 17 pegawai dan 75 LLP.

Pertandingan menembak jatuh piring yang terdiri daripada 8 kumpulan juga diadakan selepas latihan menembak iaitu wakil dari Sekolah Kawalan Trafik Udara, Sekolah Kawalan Pertahan Udara, Sekolah Bomba dan Menyelamat, Sekolah Komunikasi, Flait Tadbir, Flait Kejuruteraan, Flait Material dan Provos. Pertandingan Jatuh Piring telah dimenangi oleh Sekolah KPU yang dianggotai oleh Kapt Muhamad Arif bin Zazli TUDM dan PW II Mohd Hasnoreduandy bin Hashim.

Turut hadir Pemangku Komandan INSPRA, Lt Kol Samsol Bahari bin Mohd Hashim TUDM dan Pemangku Pegawai Laksana INSPRA, Lt Kol Anuar bin Che Hassan TUDM.

